



MAJLIS DAERAH PEKAN (PEKAN DISTRICT COUNCIL)

Tel : 09-421 1077 Faks : 09-422 1954 Web : www.mdpekan.gov.my

LANGKAH TAMBAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) NEGERI PAHANG

Adalah dimaklumkan, berkuatkuasa serta merta Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju melaksanakan langkah tambahan berikut bagi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Negeri Pahang iaitu :

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Arahan penutupan premis	<p>Mana-mana premis yang didapati melanggar had masa operasi dan SOP PKPP yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan tindakan menutup premis selama tiga (3) hari bagi kesalahan kali pertama diikuti penutupan premis selama tujuh (7) hari bagi kesalahan kali kedua dan penutupan selama empat belas (14) hari bagi kesalahan kali ketiga.</p> <p>Penguatkuasaan tindakan ini adalah berdasarkan peruntukkan dibawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).</p>
2.	Perhimpunan dan majlis kenduri/keriaian	<p>Kehadiran untuk mana-mana perhimpunan atau majlis kenduri/keriaian dihadkan kepada 100 orang pada satu-satu masa.</p> <p>Pihak Berkuasa Tempatan dan PDRM akan melakukan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan termasuk tangkapan terhadap penganjur atau tuan rumah majlis tersebut.</p> <p>Bagi kenduri perkahwinan, penganjur atau tuan rumah hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu untuk mengadakan majlis kenduri kahwin menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) melalui Pejabat Agama Daerah masing-masing.</p> <p>Bagi upacara keriaian perkahwinan bukan islam permohonan boleh dibuat melalui Pejabat Daerah dan Tanah masing-masing.</p>

3.	Kes positif COVID-19 dan kontak rapat (CC)	Mana-mana premis yang didapati mempunyai kes positif COVID-19 akan ditutup selama tiga (3) hari untuk untuk kerja-kerja sanitasi manakala premis yang dihadiri oleh kontak rapat kes positif COVID-19 melebihi 10% akan diarahkan tutup selama empat belas (14) hari.
4.	Penarafan Bintang Bagi Premis Yang Mematuhi SOP PKPP (Star Rating)	Pihak Berkuasa Tempatan akan membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas setiap premis perniagaan dan akan melaksanakan penarafan bintang bagi menggalakkan pematuhan SOP di sepanjang tempoh PKPP mulai 29 Oktober 2020.

Langkah tambahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PEKAN
BERTARIKH : 28 Oktober, 2020**